

Tarikh : 27 Ogos 2018

No. rujukan : MPOB/SELANCAR 2B

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS FELDA GLOBAL VENTURES PLANTATIONS (M) SDN BHD – GUGUSAN SELANCAR**

Felda Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd – Gugusan Selancar telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut :

1.	Nama unit pengurusan	:	Felda Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd – Gugusan Selancar
2.	Tarikh mula audit	:	1 Oktober 2019
3.	Tarikh akhir audit	:	3 Oktober 2019
4.	Lokasi audit	:	Felda Palm Industries Sdn Bhd (FPISB), Selancar 2B Palm Oil Mill, Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur
5.	Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	:	8,181.00 Ha
6.	Standard yang digunakan	:	MS 2530-3:2013 and MS 2530-4:2013 Standard ini boleh dibeli melalui <a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a>
7.	Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	:	Dzulfiqar Azmi Rahmat Karto



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02  
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06132005 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03  
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01  
MS ISO/IEC 17021-2011 FPM 31120009 CB 02  
MS ISO/IEC 27009:2011 ISMS 31120009 CB 02  
ISO/IEC 17021-1:2015 EAMS 3012014 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 MDQMS 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05  
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03


SOAS/MSC/DOC/39-15  
Issue 1 Rev 0

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **1 Oktober 2019**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Radziah Mohd Daud

Head

Food, Agriculture and Forestry Section  
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:  
Pn. Radziah Mohd Daud  
Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd,  
Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, 40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel : 03-55446479  
Fax: 03-55446763  
Email : [radziah@sirim.my](mailto:radziah@sirim.my)

### MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI \_\_\_\_\_

Saya merujuk kepada surat bertarikh ..... untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas.  
Saya ingin mengesahkan bahawa:

- Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan
- Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan
- |  |                |       |
|--|----------------|-------|
| <input type="checkbox"/> Isu berkaitan pematuhan undang-undang   | Sila huraikan: | _____ |
| <input type="checkbox"/> Isu berkaitan aspek sosial              | Sila huraikan: | _____ |
| <input type="checkbox"/> Isu berkaitan alam sekitar              | Sila huraikan: | _____ |
| <input type="checkbox"/> Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan | Sila huraikan: | _____ |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain                               | Sila huraikan: | _____ |

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. telefon : \_\_\_\_\_

Alamat email : \_\_\_\_\_

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....  
Nama :  
Alamat:  
No. tel :